PHARMANIAGA CLARITHROMYCIN TABLET

Clarithromycin (250mg,500mg)

What is in this leaflet

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Clarithromycin Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

Ia digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh patogen yang sensitif terhadap Clarithromycin. Clarithromycin tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antibiotik macrolide.

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet digunakan untuk merawat jangkitan seperti:

- Jangkitan pada dada seperti bronkitis dan radang paru-paru.
- Tekak dan jangkitan sinus
- Jangkitan kulit dan tisu yang ringan kepada sederhana, seperti *cellulites* (pembentukan benjolan dan bintik-bintik di kulit), *folliculitis* (folikel rambut menjadi radang) atau *erysipelas* (jangkitan bakteria di lapisan atas kulit).

Bagaimana Pharmaniaga Clarithromycin Tablet berfungsi

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet bertindak menggunakan kesan bakteriostatik dimana ianya menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Clarithromycin Tablet jika anda;

- tahu bahawa anda alah kepada clarithromycin, antibiotic macrolide lain seperti erythromycin atau azithromycin, atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung di dalam tablet.
- sedang mengambil ubat-ubatan yang seperti ergotamine atau dihydroergotamine atau menggunakan penyedut ergotamine untuk migrain.
- sedang mengambil ubat-ubatan yang lain seperti terfenadine atau astemizole (yang diambil secara meluas untuk demam disebabkan alergi atau alahan) atau cisapride (untuk masalah perut) atau pimozide (untuk masalah kesihatan mental) yang dimana gabungan ubat-ubatan ini kadangkadang boleh menyebabkan gangguan denyutan jantung yang serius.
- mempunyai tahap kalium dalam darah yang rendah (keadaan yang dikenali sebagai hypokalaemia).
- mempunyai penyakit hati dan buah pinggang yang teruk.
- mempunyai degupan jantung yang tidak teratur.

-Sebelum mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

Sebelum anda mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet, doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai apa-apa keadaan yang berikut:

- jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- jika anda mempunyai, atau terdedah kepada jangkitan kulat
- jika anda hamil atau menyusukan bayi

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan berikut dan dos anda mungkin perlu diubah atau anda mungkin perlu kerap melakukan pemeriksaan:

- digoxin, quinidine atau disopyramide (untuk masalah jantung)
- warfarin (untuk mencairkan darah)
- carbamazepine, valproate, phenobarbital atau phenytoin (untuk sawan)
- theophylline (digunakan pada individu yang mengalami masalah pernafasan seperti asma)
- omeprazole (untuk rawatan ketidakhadaman dan ulser yang disebabkan oleh gastrik)
- methylprednisolone (ubat kortikosteroid)
- ciclosporin, sirolimus dan tacrolimus (kekurangan imun)
- lincomycin (untuk rawatan jangkitan bakteria yang teruk pada orang yang tidak boleh menggunakan antibiotik penisilin)
- clindamycin (antibiotik untuk rawatan beberapa jangkitan bakteria)
- zidovudine (digunakan bersama ubat-ubatan lain untuk merawat jangkitan virus immunodeficiency manusia (HIV)

- alprazolam (untuk merawat gangguan kebimbangan dan gangguan panik)
- midazolam (menghasilkan kesan menenangkan pada otak dan saraf)
- rifabutin (antibiotik yang digunakan untuk merawat batuk kering)
- triazolam (untuk rawatan masalah tidur tertentu)
- Domperidone (untuk merawat mual dan muntah)

Cara pengambilan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

-Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

Dos yang disyorkan oleh Clarithromycin pada orang dewasa adalah satu tablet 250 mg setiap 12 jam.

Dalam kes-kes jangkitan teruk, dos boleh ditingkatkan sehingga 500 mg setiap 12 jam.

Pengambilan perlu diteruskan, mengikut keterukan jangkitan, sehingga 6-14 hari.

Pada individu dengan gangguan renal dengan pelepasan kreatinin kurang daripada 30 ml / min, dos perlu dikurangkan sebanyak satu setengah. (Dos tidak boleh diteruskan melebihi 14 hari kepada individu).

Sekiranya anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk, doktor anda mungkin akan memberikan dos yang berbeza.

-Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga ClarithromycinTablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Clarithromycin Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan berikan tablet ini kepada kanak-kanak bawah 12 tahun. Doktor anda akan menetapkan ubat lain yang sesuai untuk anak anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hamil dan menyusukan bayi

Jika anda hamil, berfikir anda mungkin hamil, atau jika anda sedang menyusukan bayi, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil Pharmaniaga Clarithromycin Tablet kerana penggunaan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet dalam kehamilan dan penyusuan tidak diketahui.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Clarithromycin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Jika anda mengalami mana-mana daripada yang berikut pada bila-bila masa semasa rawatan, BERHENTI MENGAMBIL ubat anda dan hubungi doktor dengan segera.

Selepas pengambilan Clarithromycin, beberapa kes telah dilaporkan seperti:

- Perut dan gangguan usus (loya, muntah, pedih ulu hati, sakit perut dan cirit-birit)
- Pening
- Kebimbangan
- Perubahan tingkah laku
- Halusinasi
- Insomnia
- Hati tidak berfungsi

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas pada kulit yang serius. Berhenti menggunakan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalamai

- Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Jarang tetapi kesan sampingan yang serius

- Kegagalan hati yang boleh membawa hasil maut.
- Gula darah rendah (hipoglisemia), berlaku pada pesakit yang mengambil agen hipoglisemik insulin

Untuk pesakit imunokompromi, kesan sampingan yang paling umum termasuk:

- Pekak
- Ruam purpura (Perubahan warna kulit yang dihasilkan oleh pendarahan kecil berhampiran dengan permukaan salur darah)
- Keradangan di pankreas (pankreatitis)

Segera berjumpa dengan doktor anda jika anda mengalami mana-mana masalah atau mempunyai sebarang tanda-tanda yang tidak diduga atau luar biasa yang lain. Jika terdapat mana-mana kesan sampingan yang serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Clarithromycin Tablet

-Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.
Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet 250mg:
Tablet cembung bujur bewarna kuning dan bersalut dengan ikon 'RMB' pada satu sisi dan garisan belahan pada sisi sebelah lagi.

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet 500mg:
Tablet cembung bujur bewarna kuning dan bersalut dengan tanda Pharmaniga pada satu sisi dan rata pada sisi sebelah lagi.

-Bahan-bahan kandungan:

Pharmaniaga Clarithromysin Tablet 250mg
-Bahan aktif:
Clarithromycin 250mg
-Bahan tidak aktif:
Croscarmellose Sodium, Microcrystalline Cellulose, Opadry Yellow, Sodium Lauryl Sulphate, Magnesium Stearate, Purified Water, Colloidal Silicon Dioxide.

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet 500mg
-Bahan aktif:
Clarithromycin 500mg

-Bahan tidak aktif:
Croscarmellose Sodium, Microcrystalline Cellulose, Opadry Yellow, Sodium Lauryl Sulphate, Magnesium Stearate, Purified Water, Colloidal Silicon Dioxide.

- Nombor MAL:

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet 250mg:
MAL20021383AZ

Pharmaniaga Clarithromycin Tablet 500mg:
MAL20021384AZ

Pengilang:
Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:
Pharmaniaga Manufacturing
Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:
01/12/2020

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)141118/00323